

Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh¹

Md Zawawi Abu Bakar*

Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah
Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: zawawi@uum.edu.my

ABSTRAK

Hak merupakan suatu isu yang sering dibangkitkan dalam hubungan kekeluargaan. Ia berlaku sama ada sepanjang perkahwinan ataupun selepas berlakunya perceraian. Hal ini berbangkit kerana perkahwinan adalah suatu perjanjian (akad) antara suami isteri. Melalui akad inilah, timbul hak dan tanggungjawab antara mereka. Pengabaian terhadap hak dan tanggungjawab menyebabkan timbulnya krisis rumahtangga sehingga berlakunya perceraian. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan hak-hak yang terkandung dalam perkahwinan Islam. Perbincangan meluas mengenai hak suami isteri telah dimuatkan di dalam kitab-kitab fiqh Islam. Hak suami isteri boleh dibahagikan kepada dua; pertama, hak berbentuk kewangan dan kedua, hak bukan berbentuk kewangan. Islam dengan jelasnya telah meletakkan hak suami isteri dan tanggungjawab masing-masing bertujuan menjaga kerukunan sesebuah rumahtangga.

Katakunci: akad, perceraian, tanggungjawab, kerukunan rumahtangga

Rights of Husband-Wife in Islamic Marriage: Analysis based on Fiqh¹

ABSTRACT

Rights is an issue commonly surfaced in family relationships. It happens all the way through a marriage or after a divorce. This arises because a marriage is a contract (akad) between the husband and wife. Rights and responsibilities would arise through this marriage contract. A neglect for these rights and responsibilities would result in marriage crisis which often lead to divorce. Hence, this article aims at discussing the rights as stated in the Islamic marriage. Lengthy discussions on the rights of husband-wife are available in Islamic books on fiqh. The husband-wife rights is divided into two parts; first, rights in monetary forms, and second, rights in non-monetary forms. Islam has clearly prescribed the husband-wife rights and responsibilities in its attempt to preserve the household serenity.

Keywords: contract, divorce, responsibilities, household serenity

PENDAHULUAN

Dalam mana-mana pernikahan, setiap pihak sama ada suami atau isteri memperoleh hak masing-masing. Hak tersebut adalah amanah, perlu disempurnakan dan mesti diserahkan kepada yang berhak menerimanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

¹ Artikel ini adalah sebahagian daripada kajian ijazah kedoktoran dalam bidang kekeluargaan di Universiti Utara Malaysia.

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat.”

(*al-Quran, al-Nisa’*, 5: 58)

Keengganan menyempurnakan hak antara pasangan dalam hidup berkeluarga boleh membawa kepada perselisihan serta pergaduhan dan boleh menyebabkan berlakunya perceraian. Menurut Mohammed Yussof Hussein, kajian yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menunjukkan faktor utama berlakunya perceraian adalah seperti berikut:

Faktor	Peratus
Tidak Bertanggungjawab	21
Tiada Persefahaman	19
Penyalahgunaan Dadah	14
Masalah Orang Ketiga	13
Campurtangan Keluarga	12
Masalah Kewangan	9
Penderaan	7
Masalah Seksual	5
Jumlah	100

Sumber: Harian Metro, 27 Mac 2007

Statistik di atas menunjukkan bahawa sikap tidak bertanggungjawab oleh suami atau isteri merupakan punca tertinggi berlakunya perceraian di Wilayah Persekutuan. Sikap tidak bertanggung jawab tergolong dalam kategori tidak menunaikan hak antara satu sama lain.

Tanggungjawab berkait rapat dengan hak. Hak bagi seseorang suami merupakan tanggungjawab bagi isteri dan sebaliknya hak bagi seseorang isteri adalah tanggungjawab bagi seseorang suami untuk menunaikannya. Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1993), apabila seseorang lelaki melafazkan akad pernikahannya, selain daripada mengharuskan persetubuhan dengan isterinya, akad itu juga menimbulkan hak dan tanggungjawab di antara mereka berdua sebagai suami dan isteri.

Di Malaysia, hak suami isteri telah diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam yang digubal oleh pihak yang berkuasa. Walaupun begitu, terdapat juga rungutan tidak puas hati, terutamanya daripada kaum wanita yang mengatakan wujud diskriminasi terhadap mereka di dalam undang-undang keluarga Islam tersebut. Pandangan-pandangan sebegini disuarakan melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berjuang menuntut hak-hak wanita. Kemuncaknya ialah bantahan mereka terhadap pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005, sehingga kabinet membuat keputusan untuk menangguhkan pewartaannya walaupun akta tersebut diluluskan oleh Parlimen pada 22 Disember 2005 (Utusan Malaysia, 18 Januari 2006).

KONSEP HAK

Perkataan hak adalah berasal daripada kalimah *al-Haq* dalam bahasa Arab yang bermaksud benar, petunjuk atau kewajipan. Kata jamaknya ialah *huquq* dan *hiqq* lawan kepada *al-batil* yakni salah. Menurut al Fairuz Abadi (t.t) dalam *al-Qamus al-Muhit*, *haq* itu salah satu nama atau sifat Allah SWT dan ia juga bermaksud al-Quran. Hak adalah sesuatu perkara yang dihukum (*al-Maqdiy*), keadilan, *i’lam*, dan kepastian (*al-hazim*). Manakala Ibn Manzur al-Afriqiy (t.t) dalam *Lisan al-Arab* mengatakan

kalimah *al-haq* adalah lawan kepada *al-batil* dan kata jamaknya adalah *huquq* dan *hiqqah* yang bermaksud kebenaran.

Wahbah al-Zuhaili (1997) menyatakan definisi hak daripada sudut bahasa adalah banyak antaranya ialah sabit atau wajib. Kalimah *al-haq* telah disebut berkali-kali di dalam al Quran sama ada menggunakan kalimah asal iaitu *haq* atau *haqqan*, *haqqat*, *haqqah* dan *haqiq*. Menurut Mohammad Tahir Haji Mohammad (2003) kalimah *haq* disebut 287 kali di dalam al Quran dan telah digunakan untuk 18 maksud yang berbeza. Lazimnya kalimah *haq* digunakan untuk kepastian dan mengesahkan yang asal dan benar.

Manakala daripada segi istilahnya pula kalimah *al-haq* mempunyai pengertian yang luas berdasarkan perbincangan para ulama dengan merujuk kepada dalil-dalil di dalam al- Quran dan al-Sunnah. Ali Jarishah (1992) dalam satu kajian, beliau menjelaskan bahawa terdapat beberapa definisi hak telah dibuat. Definisi-definisi itu dipetik daripada satu atau sekurang-kurangnya dipengaruhi oleh agama langit (*samawi*). Menurut beliau lagi, terdapat ulama mendefinisikan hak sebagai kehendak Tuhan. Ada ulama yang mendefinisikan hak sebagai undang-undang akhlak yang lahir daripada kehendak Tuhan. Ulama lain pula telah mendefinisikan hak sebagai suatu undang-undang tetap yang tidak berubah dan unggul (*al-Muthul al-A'la*) yang wajib diteladani oleh undang-undang sosial.

Daripada segi maksud istilah, Wahbah al-Zuhaili (1997) mengatakan hak bermaksud kehendak syarak dan ia adalah bersandarkan daripada hukum-hukum syarak. Beliau menambah bahawa terdapat dua kewajipan mengenai hak. Pertama, kewajipan am ke atas setiap manusia untuk menghormati hak seseorang dan tidak merampasnya. Kedua, kewajipan khas ke atas pemilik hak untuk melakukan ke atas hak miliknya dengan tidak memudaratkan pihak lain.

Abul A'la Mawdudi (1983) pula menjelaskan tentang hak seperti berikut:

“when we speak of human rights in Islam we mean those rights granted by God. Rights granted by kings or legislative assemblies can be withdrawn as easily as they conferred; but no individual and no institution has the authority to withdraw the rights conferred by God”.

Menurutnya, hak dalam Islam adalah bersumberkan daripada Allah dan tidak boleh diganggu gugat atau diubah sebagaimana hak yang digubal oleh manusia. Justeru, hak di dalam Islam adalah berautoriti dan merupakan suatu yang wajib. Sebahagian ulama *mutaakhirin* dan pengkaji semasa mendefinisikan hak sebagai hukum yang sabit menurut syarak. Manakala di kalangan fuqaha, ia tertakluk kepada lafaz hak yang digunakan, seperti hak dalam memiliki harta, hak dalam diri seperti hak perwalian, *hadhanah*² dan *khiyar*³, hak umum seperti hak jalan⁴, *masil*⁵, dan *mujri*⁶, dan akhirnya hak yang terkesan daripada akad seperti hak jual beli dan hutang (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

² *Hadhanah* ialah daripada segi hukum syarak bermaksud melakukan pemeliharaan anak-anak yang masih kecil, lelaki atau perempuan, ataupun yang sudah besar tetapi belum mumayyiz atau tamyiz, tanpa perintah daripadanya menyediakan sesuatu yang menjadi kebajikan, menjaganya daripada sesuatu yang menyakiti dan merosakkannya, mendidik jasmani, rohani dan akalunya agar mampu berdiri sendiri menghadapi hidup dan tanggungjawab (Raihanah Abdullah & Zaleha Kamaruddin, 2002).

³ *Khiyar* ialah pilihan sebagai satu hak yang diberi kepada pihak-pihak yang berkontrak sama ada hendak meluluskan akad yang dibuat atau tidak (Faizah Hj Ismail, 1995).

⁴ Hak jalan (*Murur*) ialah hak yang diberi kepada seseorang mengguna jalan atas tanah milik orang lain untuk sampai ke tanah miliknya. Seseorang yang memiliki hak tersebut boleh mengguna atau melalui jalan yang diperlukan itu dengan cara sewajarnya tetapi tidak boleh lebih daripada itu (Faizah Hj Ismail, 1995).

⁵ *Masil* ialah hak membina perparitan iaitu hak untuk melakukan kerja-kerja membuat parit bagi membuang air kotor daripada kawasan atau tanah milik seseorang yang memerlukan untuk dialirkan ke kawasan buangan (Faizah Hj Ismail, 1995).

Shaukat Hussain (1990) pula membahagikan hak kepada dua kategori iaitu hak Allah dan hak hamba yang menurut beliau kedua-duanya adalah hak. Hak Allah seperti melakukan ibadat fardu seperti solat, puasa dan sebagainya. Manakala hak hamba pula ialah membayar hutang, harta pusaka, nafkah dan sebagainya. Menurut takrif dalam Ensiklopedia Islam, ulama telah mentakrifkan hak sebagai suatu keistimewaan yang dilindungi. Ertinya apabila seseorang berhak ke atas sesuatu, maka tidak ada seorang pun yang boleh membatalkan atau mempersoalkannya. Hak juga ditetapkan dalam agama seperti ketentuan untuk menjaga keselamatan diri. Dengan itu, sumber hak bukannya daripada manusia atau alam, tetapi daripada Allah SWT (Ensiklopedia Islam, 2003).

Faizah Hj Ismail (1995) mengatakan bahawa hak ialah sesuatu yang diiktiraf oleh syarak kepada seseorang, sama ada bermanfaat secara material atau moral, manfaat tersebut berkaitan dengan harta atau berkaitan diri. Contohnya hak penjagaan, hak berdakwah, menjaga kepentingan agama dan berjihad.

Kesimpulannya, hak merupakan suatu yang bersumberkan hukum syarak sama ada al-Quran atau al-Sunnah. Hak merangkumi hak Allah dan hak hamba yang merupakan keistimewaan, kekuasaan dan pengiktirafan kepada individu. Terdapat hak yang dikanunkan dan hak yang tidak dikanunkan. Namun hak yang bersumberkan daripada hukum syarak walaupun tidak dikanunkan atau diperundangkan tetap merupakan hak yang wajib dilaksanakan kerana ia perintah Allah. Setiap hak mengandungi kewajipan dan tanggungjawab. Justeru, usaha menuntut hak ia mesti diselarikan dengan tanggungjawab. Ini kerana dalam menuntut hak kita daripada orang lain, terdapat pula tanggungjawab kita untuk menunaikan hak orang lain.

PEMBAHAGIAN DAN BENTUK HAK

Setiap manusia mempunyai haknya sendiri dan bertanggungjawab pula untuk menunaikan hak pihak lain. Ini berdasarkan dalil sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Umar ra daripada Nabi SAW sabdanya:

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya (diminta bertanggungjawab) atas apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin. Seorang lelaki adalah pemimpin keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah suaminya serta anaknya. Oleh kerana setiap kamu adalah pemimpin maka setiap daripada kamu akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya.
(Riwayat al-Bukhari)⁷

Hadis di atas menjelaskan tentang hak dan tanggungjawab serta kewajipan menunaikan tanggungjawab tersebut. Hak dalam perkahwinan yang akan dibincangkan ialah hak suami isteri sahaja meskipun terdapat hak lain juga seperti hak ibu bapa dan hak anak-anak. Sebenarnya hak dalam perkahwinan juga bersumberkan kepada hukum syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah dan ijtihad para ulama sepanjang zaman. Sahil Hussain al-Fatalawiy (t.t) menjelaskan tentang *huquq al-usrah* (hak-hak dalam keluarga) ialah hak-hak yang terdiri di dalamnya hak-hak anggota keluarga antara satu sama lain. Contohnya tanggungjawab bapa mendidik anak-anak dan hak suami daripada isterinya iaitu ketaatan.

⁶ *Mujri* ialah ialah hak membina saluran air, hak ini sebahagian daripada hak mendapat kemudahan air (Faizah Hj Ismail, 1995).

⁷ *Sahih Bukhari, Kitab Nikah - 67, Bab 91, al-Mar'ah Raaiyatul Fi Baiti Zawjiha, Hadis 5200, Raaqi' 893.*

Merujuk kepada Andek Masnah Andek Kelawa (1999) yang menjelaskan bahawa kerjasama suami isteri boleh dilandaskan kepada tiga prinsip iaitu *al-‘Adalah* iaitu memastikan suami isteri melaksanakan hak dan tanggungjawab masing-masing, persamaan hak iaitu hak suami isteri adalah seimbang dan mengikut fitrah masing-masing dan akhirnya prinsip syura dianjurkan antara pasangan dalam pembahagian hak dan tanggungjawab suami isteri⁸.

Dalam perbahasan yang sama, Abu Bakar Jabir Al-Juzairi (2003) menjelaskan tentang etika timbal balik antara suami isteri dan etika tersebut adalah hak atas pasangannya yang lain berdasarkan dalil berikut:

“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa idah mereka, jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan ingatlah Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”
(al-Quran, *al-Baqarah*, 2: 228)

Hak suami isteri menurut etika timbal balik ini sebahagiannya adalah sama antara suami isteri dan sebahagiannya tidak sama. Suami mempunyai hak dan wajib menunaikan tanggungjawabnya ke atas isteri, sebaliknya isteri juga mempunyai hak serta wajib juga menunaikan tanggungjawab ke atas suami (Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006). Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1993) pula, melalui akad perkahwinan selain daripada mengharuskan persetubuhan antara suami isteri ia juga akan menimbulkan hak dan tanggungjawab di antara kedua pihak. Perbincangan mengenai hak menjadi tidak lengkap jika tidak merujuk kepada tanggungjawab. Ini kerana hak dan tanggungjawab saling berkait. Oleh itu, dalam usaha menuntut hak masing-masing adalah penting untuk setiap individu melaksanakan tanggungjawab mereka (J.S. Verma, 2008).

Kajian mendapati dalam perbincangan *fiqh al-usrah* berhubung hak suami isteri, fuqaha telah membahagikan hak kepada tiga bahagian iaitu hak-hak suami (*huquq al-zawj*), hak-hak isteri (*huquq al-zawjah*) dan hak bersama (*huquq al-isytirak*). Justeru itu, penulis akan cuba membincangkan dalam artikel ini apa yang dibincangkan oleh fuqaha’ mengenai hak-hak suami isteri dalam perkahwinan.

HAK-HAK SUAMI (*HUQUQ AL-ZAWAJ*)

Hak suami merupakan tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh isteri. Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1993), hak suami ialah tanggungjawab yang tidak seharusnya diabaikan oleh isteri apabila berlangsungnya akad perkahwinan di antara mereka berdua. Hak suami atas isterinya adalah suatu yang sensitif dan perlu dijaga. Mengabaikannya boleh menyebabkan akibat yang buruk di dunia dan di akhirat. Ini kerana kunci untuk memasuki syurga bagi isteri terletak pada keredhaan suaminya (A’tiyah Saqar, 2005). Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

⁸ al-Quran, *al-Baqarah*, 2: 228

Jikalau memerintahkan seseorang untuk bersujud, pasti saya akan memerintahkan seseorang perempuan untuk sujud kepada suaminya.

(Riwayat al-Tirmiz)⁹

Hadis di atas jelas menunjukkan darjat suami serta tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh isteri ke atas suaminya. Perbuatan sujud di dalam Islam lazimnya dilakukan oleh manusia sebagai hamba kepada pencipta iaitu *khalik*. Justeru itu, hadis di atas cuba menggambarkan betapa seorang isteri wajib mematuhi dan mentaati seseorang suami. Walau bagaimanapun, isteri dikecualikan daripada mentaati suami pada perkara-perkara yang mungkar. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Tidak boleh seorang isteri mentaati suaminya terhadap perkara-perkara maksiat”
(Riwayat al-Bukhari)¹⁰

Antara hak-hak suami ialah:

a. Isteri mentaati suami

Menurut A'tiyah Saqar (2005), isteri wajib mentaati suami¹¹. Jika lelaki dibebani dengan tanggungjawab memberi nafkah atau rumah dan perlindungannya kemudian wanita mengabaikan ketaatannya, tidak menyambut seruannya dan tidak mengabulkan permintaannya, maka dia menjadi penyebab kesusahan dan penderitaan orang yang berusaha membahagiakannya. Wahbah al-Zuhaili (2000) menyatakan bahawa isteri perlu taat kepada suami dalam aspek yang makruf. Ini kerana suami adalah ketua dalam keluarga (*rabb al-usrah*) atau tuan untuk ditaati (*sayyid al-muta*). Dalil Nabi SAW yang bermaksud:

Jikalau aku memerintahkan seseorang supaya bersujud kepada seorang lain, nescaya aku perintahkan isteri supaya bersujud kepada suaminya...
(Riwayat Ibn Majah)¹²

Islam menetapkan bahawa ketaatan isteri kepada suami bukanlah kepada perkara mungkar serta tidak boleh menandingi ketaatan kepada Allah dan Rasul (al-Juzairi, 1989; Taha Abdullah al-Afify, 1995). Isteri tidak boleh mentaati makhluk (suami) pada perkara-perkara maksiat kepada pencipta (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Menurut Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali Al-Syarbaji (t.t) isteri wajib mengikuti, mentaati, dan menjadikan suami sebagai penguasa dirinya. Beliau juga wajib menjaga rumahtangga suami. Dalil daripada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Apabila seseorang perempuan tidur pada malam hari dengan meninggalkan tempat tidur suaminya, malaikat akan melaknatnya sehingga subuh hari.
(Riwayat al-Bukhari)¹³

⁹ *Jami' al-Tirmizi, al-Mu'jam 10 – al-Ridho', Bab 10, Hadis 1159, Mu'jam 10, Bab Ma Ja a Fi Haq al-Zawaj 'Ala al-Mar'ah, Tuhfat 10.*

¹⁰ *Sahih Bukhari, Kitab Nikah - 67, Bab 95, La Tuti'a a-l Mar'ah Zawjaha Fi Maksiat, Hadis 5205.*

¹¹ *“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihi orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya...” (Al-Quran, al-Nisa' 8: 34)*

¹² *Riwayat Ibn Majah, Mu'jam 9, Bab Nikah, Mu'jam 4, Bab haq al-Zawaj 'Ala al-Mar'ah, Hadis 1852, Tuhfat 4..*

¹³ *Sahih Bukhari, Kitab Nikah - 67, Bab 86, Iza Batat al-Mar'ah Muhajirat Farsh Zawjaha, Hadis 5193.*

Sebagai contoh, halal bagi suami isteri beristimta' (bersetubuh) dalam bentuk yang dibenarkan syarak. Kengganian isteri menurut kehendak suami (jimak) tanpa sebab keuzuran adalah berdosa. Ini kerana hak suami ialah ketaatan isteri apabila diajak berjimak dan tidak boleh keluar rumah tanpa izin suami. Hak ketaatan dan mendapat layanan baik serta keperluan batin suami adalah tanggungjawab isteri (Mat Saad Abd Rahman 1993, Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006; Taha Abdullah al-Afify, 1995). Ketaatan terhadap suami termasuk juga tinggal bersama suami di rumah yang disediakan suami dan tidak keluar rumah tanpa izin daripada suami (al-Juzairi, t.t, Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006). Perbuatan isteri yang keluar daripada rumah tanpa keizinan suami boleh dianggap nusyuz¹⁴ yang akan memberi kesan kepada nafkah isteri.

b. Menjaga maruah suami

Isteri bertanggungjawab untuk menjaga maruah suami. Terdapat dua kaedah untuk menjaga kemuliaan suami, pertama menjauhi kekejian iaitu zina dan yang kedua menjauhi pendahuluan-pendahuluannya (*muqadimah zina*) dan apa yang boleh menarik kepadanya¹⁵ (A'tiyah Saqar, 2005). Menurut Mat Saad Abd Rahman (1993), isteri bertanggungjawab untuk menjaga kehormatan suami dan hartanya semasa ketiadaan suami. Isteri tidak boleh bergaul bebas (*ikhtilat*), mendedahkan aurat serta menjaga kemuliaan dan kehormatan suami (al-Juzairi, t.t). Selain itu, isteri tidak boleh bertabarruj melainkan untuk suami kerana perbuatan itu akan merangsangkan kaum lelaki hingga menimbulkan fitnah (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Asming Yalawae (1998) menjelaskan antara cara menjaga kehormatan ialah tidak membenarkan lelaki *ajnabi* untuk memasuki rumah semasa suami tiada di rumah, menjauhi perkara-perkara melalaikan, mengingati Allah serta hari akhirat, menjauhi daripada bergaul dengan wanita yang rosak akhlak dan haram keluar rumah tanpa mahram.

c. Menjaga perasaan suami

Wanita atau isteri mestilah menggunakan semua jalan untuk menarik keredhaan suami dan menjauhi kemarahannya (A'tiyah Saqar, 2005). Isteri perlu menjaga penampilan diri, berhias untuk suami serta memberi layanan yang baik terhadap suami (Taha Abdullah al-Afify, 1995). Islam menekankan tentang persamaan hak suami isteri berdasarkan fitrah masing-masing. Isteri perlu berhias untuk suami dan suami perlu berhias untuk isteri. Ini berdasarkan dalil hadis Nabi SAW daripada Ibnu Abbas r.a berkata : “*Aku suka berhias untuk isteriku sebagaimana aku suka isteriku berhias untukku*” (Andek Masnah Andek Kelawa, 1999).

Isteri juga wajib mengelakkan suami daripada berkecil hati ketika diajak bersama. Ini termasuk dalam menjaga perasaannya. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

¹⁴ Nusyuz ialah engkar, iaitu seorang isteri yang engkar atau enggan taat kepada suaminya dalam hal-hal yang tidak melanggar hukum syarak adalah dikategorikan sebagai nusyuz (Raihanah Abdullah & Zaleha Kamaruddin, 2002).

¹⁵ “...Maka perempuan-perempuan yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang telah memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya”, (al-Quran, al-Nisa' 5: 34). “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan) (al-Quran, al-Isra' 15: 32)

Ketika seorang lelaki mengajak isterinya untuk memenuhi kehendaknya (jimak) maka isterinya wajib memenuhi, meskipun ia berada di dalam dapur.
(Riwayat al-Tirmizi)¹⁶

Dalam hadis yang lain Baginda SAW bersabda yang bermaksud:
Daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda:

Apabila seorang suami mengajak isterinya, lalu isteri itu tidak memenuhinya sampai semalaman hingga suaminya marah kepadanya, maka malaikat mengutuk isteri itu sampai ke pagi.
(Riwayat al-Bukhari)¹⁷

Dua hadis di atas menjelaskan tentang hikmah pernikahan iaitu untuk suami hidup berkasih sayang dan memenuhi fitrah sebagai suami isteri¹⁸. Isteri wajib menjaga perasaan suami sebagaimana suami wajib menjaga perasaan isteri.

d. Isteri mentadbir rumahtangga suami

Antara tanggungjawab isteri dalam memenuhi hak suami ialah melayani suami dan memelihara harta bendanya (A'tiyah Saqar, 2005). Ia merupakan satu bentuk daripada etika timbal balas suami isteri yang dijelaskan oleh Al-Juzairi (2003). Ini kerana suami keluar bekerja untuk mencari nafkah untuk keluarga manakala isteri pula mengurus rumahtangga dan anak-anak. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali Al-Syarbaji (t.t) menjelaskan rahsia diwajibkan ke atas suami untuk memberikan nafkah kepada isteri antaranya mesti dibina di atas salah satu daripada tiga asas berikut:

1. Suami bertanggungjawab mengetuai rumahtangga dan bertanggungjawab memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak;
2. Isteri mengambil alih semua tanggungjawab tersebut sebagai ganti kepada tanggungjawab suami;
3. Suami isteri bekerjasama melaksanakan tugas mencari harta dan memberikan nafkah.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1997), isteri bertanggungjawab untuk menjaga hak suami seperti rumahnya, hartanya dan anak-anaknya. Isteri perlu mendidik anak-anak dengan ilmu agama, kebaikan dan melaksanakan kewajipan agama. Asming Yalawae (1998) menjelaskan dalam menjaga harta suami, isteri perlu membuat persediaan dan mengelakkan pembaziran, sentiasa berpuashati dan tidak meminta lebih daripada keperluan, dan berganding bahu dengan suami dalam menjaga harta suami.

¹⁶ Jami' al-Tirmizi, Mu'jam 10- al-Ridho', Bab 10, Ma Ja' Fi Haq al-Zawaj 'Ala al-Mar'ah, Hadis 1160. Tuhfat 10.

¹⁷ Sahih al-Bukhari, Kitab Nikah - 67, Bab 86, Iza Batat al-Mar'ah Muhajirat Farsh Zawjaha, Hadis 5193.

¹⁸ "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir" (al-Quran, al-Rum, 21:21)

Suami memainkan peranan sebagai ketua rumahtangga dan isteri adalah pengurusnya. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Masing-masing daripada kamu adalah pemimpin dan masing-masing daripada kamu akan ditanya (diminta pertanggung jawaban) atas apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin. Seorang lelaki adalah pemimpin keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah suaminya serta anaknya. Oleh kerana masing-masing daripada kamu adalah pemimpin dan masing-masing daripada kamu diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya.
(Riwayat al-Bukhari)¹⁹

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh sebab Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.
(al-Quran, al-Nisa, 5: 34)

Mengurus rumahtangga termasuklah melakukan kerja-kerja rumah serta memelihara keadaannya dengan baik adalah tanggungjawab isteri (Mat Saad Abdul Rahman, 1993, Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006, Taha Abdullah Al-Afify, 1995, Al-Juzairi, 1989) Isteri berhak untuk mendapatkan pembantu rumah atau suami wajib menyediakan pembantu rumah apabila isteri uzur (Mat Saad Abdul Rahman, 1993).

e. Memelihara anak-anak suami

Isteri bertanggungjawab sama seperti suami dalam kewajipan ini, sama ada pada pentadbiran harta yang lazim untuk pemeliharaan ke atas suami sahaja atau ke atas suami dan isteri secara serentak. Adapun jika anak-anak itu ialah anak-anak suami daripada selainnya maka pemeliharaan terhadap mereka termasuk dalam kategori pergaulan dengan cara yang baik terhadap suami (A'tiyah Saqar, 2005). Memelihara dan mendidik anak-anak termasuklah menjaga pemakanan serta memelihara anak-anak sehingga mereka dapat berdikari (Asming Yalawae, 1998).

Sebagai pengurus rumahtangga isteri perlu memelihara, memberi didikan, mengasuh dan menyusukan anak-anak suami (Al-Juzairi 1989; Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006; Taha Abdullah Al-Afify, 1995). Selain melakukan tanggungjawab menguruskan anak-anak, ia juga termasuk dalam tanggungjawab untuk menjaga perasaan suami (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

¹⁹ Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah - 67, Bab 9, al-Mar'ah Ra'iyah Fi Baiti Zawjiha, Hadis 5200.

Ini kerana apabila anak-anak suami berada dalam keadaan selamat ia akan memberi semangat dan motivasi kepada suami untuk bekerja lebih kuat untuk mencari nafkah. Walau bagaimanapun, sebahagian fuqaha menyatakan menjaga anak juga adalah hak bersama suami isteri (*huquq al-isytirak*) (Mat Saad Abd Rahman, 1993; Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006).

Sebagai kesimpulan, hak-hak suami menjurus kepada hak bukan harta seperti ketaatan, menjaga perasaannya, menjaga maruahnyanya, memelihara anak-anak dan menjaga hartanya. Walau bagaimanapun terdapat juga hak-hak lain yang dibincangkan oleh segelintir sahaja seperti keikhlasan isteri dan berkahwin juga adalah hak suami (A'tiyah Saqar, 2003).

HAK-HAK ISTERI (*HUQUQ AL-ZAWJAH*)

Isteri mempunyai hak sebagaimana suami selepas berlangsungnya akad nikah kerana melalui ia akan menimbulkan hak-hak dan tanggungjawab antara keduanya (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Oleh itu, tanggungjawab wali bertukar tangan kepada suami untuk menjaga dan melindungi isteri. Justeru, adalah menjadi kewajipan suami untuk melaksanakan tanggungjawabnya untuk memenuhi hak-hak isteri. Hak isteri merangkumi hak berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Suami yang menunaikan tanggungjawab terhadap isterinya akan mendapat kedudukan yang baik di sisi Allah SWT sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Mukmin yang paling sempurna imannya adalah sebaik-baik budi pekertinya dan yang sebaik-baiknya budi pekerti adalah yang baik pada isterinya.

(*Riwayat al-Tirmizi*)²⁰

Hadis di atas menyeru kepada suami agar berbuat baik kepada isteri dengan cara memenuhi hak-hak mereka. Antara hak-hak isteri ialah:

a. Nafkah

Nafkah adalah sebahagian daripada hak isteri terhadap suami. Ia merupakan hak berbentuk harta bagi isteri selain daripada mahar. Fuqaha mentakrifkan nafkah sebagai apa yang dihajatkan padanya daripada isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, tempat tidur, pembantu, kelengkapan rumah dan lain-lain (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Nafkah merupakan tanggungjawab suami dan wajib memberi nafkah kepada isterinya berdasarkan dalil surah al-Talaq ayat 7²¹. Nafkah juga adalah sedekah sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Nafkah yang diberikan seorang lelaki kepada ahli keluarganya adalah sebagai sedekah.

(*Riwayat al-Tirmizi*)²²

²⁰ Jami' Tirmizi, Mu'jam 11, al-Ridha', Bab Ma Ja'a Fi Haq al-Mar'ah 'Ala Zawjiha, Hadis 1162, Tuhfat 11.

²¹ "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkahnya menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah daripada apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan". (al-Quran, al-Talaq 28:7)

²² Jami' al-Tirmizi, Mu'jam 25, al-Bir wa al-Sillah, Bab 42, Ma Ja' Fi Nafaqah 'Ala Ahli, Hadis 1965, Tuhfat 42.

Dalam hadis nabi SAW berikut yang bermaksud:

Daripada Hakim bin Muawiyah al-Qusyairi daripada ayahnya r.a, dia berkata: Pernah aku bertanya: Wahai Rasulullah, apakah kewajipan suami terhadap isterinya? Beliau menjawab: “Hendaklah kamu memberinya makan, apabila kamu makan, dan kamu memberinya pakaian, apabila kamu berpakaian atau mendapat pendapatan. Dan janganlah kamu memukuli wajah, jangan menghinanya, dan janganlah kamu memisahkan diri daripada mereka (yang nusyuz), kecuali di dalam rumah”.

(Riwayat Ibnu Majah)²³

Hadis di atas menjelaskan bahawa nafkah suami pada isteri iaitu makanan dan pakaian. Bahkan suami juga perlu menyediakan tempat tinggal kepada isteri walaupun isteri itu berlaku nusyuz. Menurut Abdul Rahman al-Juzairi (1989), beliau telah membahagikan nafkah kepada isteri kepada tiga iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Menurut Ibn Rusyd (1990), tanggungjawab suami kepada isteri antaranya ialah makanan dan pakaian²⁴, terdapat dalil-dalil lain juga dalam kitab suci al-Quran²⁵. Sabda Rasulullah SAW di dalam hadis yang bermaksud “dan bagi mereka ialah diwajibkan atas kamu memberi makan dan pakaian kepadanya menurut cara sepatutnya”. Nafkah yang diberi perlu mengikut kadar kemampuan dan sepatutnya. Al-Juzairi (1989) menjelaskan bahawa suami perlu menafkahi isterinya dalam bentuk makanan, minuman dan tempat tinggal dengan cara yang baik.

b. Memelihara kesuciannya

A’tiyah Saqar (2003) menjelaskan bahawa pergaulan suami isteri yang baik menuntut agar suami memelihara kesucian dan nama baik isterinya dengan mengadakan perhubungan seksual²⁶. Maka antara tujuan utama perkahwinan di samping memperolehi keturunan ialah bekerjasama untuk mencapai kestabilan jiwa. Suami wajib melayani keperluan batin isteri (Mat Saad Abdul Rahman, 1993). Memberi nafkah batin kepada isteri adalah dikira sebagai ibadat kepada suami. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Amru bin Al ‘Ash katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Wahai ‘Abdullah, tidaklah engkau telah diberi khabar bahawa engkau puasa pada siang hari dan solat pada malam hari? Saya menjawab: “Ya, wahai Rasulullah”. Nabi bersabda: “Janganlah kamu lakukan, berpuasalah berbukalah, bersolatlah dan tidurlah, kerana sesungguhnya jasadmu mempunyai hak atasmu dan kedua matamu juga mempunyai hak atasmu dan sesungguhnya isterimu juga memiliki hak atasmu”

(Riwayat Bukhari)²⁷

Walau bagaimanapun, suami tidak berhak memaksa isteri untuk bersama sekiranya isteri belum suci daripada haid dan nifas (Wahbah Zuhaili, 1997). Selain hubungan kelamin, nafkah batin juga merangkumi hidup dengan kasih sayang, menjaga perasaannya dan sebagainya. Isteri berhak mendapat nafkah zahir dan batin daripada suaminya mengikut kebiasaannya dan kemampuannya (Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail, 2006). Berhubung hubungan kelamin suami isteri

²³ Riwayat Ibnu Majah, Mu’jam 9, Bab Nikah, Mu’jam 3, Bab Haq al-Mar’ah ‘Ala Zawaj, Hadis 1850, Tuhfat 3.

²⁴ al-Quran, al-Baqarah 2: 233

²⁵ al-Quran, al-Nisa 5: 34, al-Baqarah 2: 233, al-Talaq 28: 6-7 dan al-Nisa’ 4: 19

²⁶ al-Quran, al-Baqarah 2: 223

²⁷ Sahih Bukhari, Kitab Nikah- 67, Bab 90, Li Zawjika ‘Alaika Haq, Hadis 5199.

yang merupakan fitrah setiap insan, terdapat hadis-hadis yang menyentuh tentang perkara ini. Antaranya:

*“Ketika seorang lelaki mengajak isterinya untuk memenuhi kehendaknya (jimak) maka isterinya wajib memenuhi, meskipun ia berada di dalam dapur”
(Jami’ al-Tirmizi)²⁸*

Wahbah Zuhaili (1997) menjelaskan bahawa menurut mazhab Maliki, suami wajib menjimak isteri kecuali uzur, manakala mazhab Syafie berpendapat tidak wajib melainkan sekali kerana hak baginya (isteri). Mazhab Hanbali pula menyatakan wajib berjimak setiap empat bulan. Walau bagaimanapun, suami diharamkan berjimak pada dubur dan semasa isteri sedang haid²⁹. Sebenarnya jimak suami isteri adalah sebahagian daripada ibadah.

Daripada Abdullah bin Amru bin Al-‘Ash katanya: Rasulullah SAW bersabda: “Wahai ‘Abdullah, tidaklah engkau telah diberi khabar bahawa engkau puasa pada siang hari dan solat pada malam hari? Saya menjawab: “Ya, wahai Rasulullah”. Nabi bersabda: “Janganlah kamu lakukan, berpuasalah dan berbukalah, bersolatlah dan tidurlah, kerana sesungguhnya jasadmu mempunyai hak atasmu dan kedua matamu juga mempunyai hak atasmu dan sesungguhnya isterimu juga memiliki hak atasmu.”

(Riwayat Bukhari)³⁰

Jika suami enggan menyetubuhi isteri, maka isteri mempunyai hak untuk memutuskan ikatan perkahwinan dengan alasan tersebut sesudah berjumpa qadi. Menurut Taha Abdullah Al-Afify (1995), isteri juga mempunyai hak untuk menuntut talak daripada suami melalui qadi apabila tidak menyukai suaminya lagi, kerana sesuatu sebab misalnya suami kejam dan jahat.

c. Mahar

Mahar bermaksud apa yang diwajibkan oleh syarak daripada harta dan seumpamanya, ia merupakan hak perempuan daripada lelaki dalam akad pernikahan sama ada nikah tersebut fasid atau sahih. Hukum membayar mahar adalah wajib berdasarkan dalil surah al-Nisa’ ayat 24 dan 4³¹ (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Mahar dikategorikan sebagai hak berbentuk harta, manakala hak bukan harta ialah tidak melakukan mudarat kepada isteri, berlaku adil antara isteri-isteri jika beristeri lebih daripada satu (Umar Abdullah, 1965).

Menurut Asming Yalawae, (1998) selain daripada hak menerima mahar daripada suami, isteri juga mempunyai hak untuk membelanjakan hartanya. Antara harta isteri ialah mahar yang diberi

²⁸ Jami’ al-Tirmizi, Mu’jam 10, al- Ridha’

²⁹ “... Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhi diri daripada perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci....” (al-Quran, al-Baqarah 2: 222)

³⁰ Sahih Bukhari, Kitab Nikah- 67, Bab 90, Li Zawjika Alaika Haq, Hadis 5199.

³¹ “... Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah). Dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan maskahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (al-Quran, al-Nisa’ 5: 24)

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin merka sebagai pemberian yang wajib...” (al-Quran, al-Nisa’ 4: 4)

suami, nafkah termasuklah nafkah zahir, idah, mutaah dan tempat tinggal. Dalam situasi semasa, pendapatan isteri yang bekerja juga merupakan hak isteri untuk dibelanjakannya.

d. Pendidikan

Memberi pendidikan kepada isteri kerana pengajaran suami kepada isterinya adalah kewajiban yang merupakan tiang kebahagiaan keluarga yang kuat kerana tiang kerohanian lebih kuat daripada tiang material³². Islam menjadikan lelaki pemimpin kepada wanita dan mewajibkan ke atas suami memberi didikan kepada isteri mereka (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Menurut Wahbah Zuhaili (1997) suami wajib mendidik isteri kepada perkara makruf dan bukan kepada perkara-perkara maksiat. Ia dapat mengelakkan isteri daripada berlaku nusyuz.

Suami memberi bimbingan yang sempurna seperti penghayatan agama, memperbaiki akhlak serta memberi tunjuk ajar ke arah kebaikan dan kebahagiaan (Mat Saad Abdul Rahman, 1993). Selain itu suami boleh menjadi contoh yang baik bagi isteri, mengajar isteri perkara berkaitan agama seperti mandi hadas, menunjukkan jalan kebaikan dan menghindaripada kejahatan, menyuruh isteri menjaga diri dan menutup aurat serta memelihara agama dan tanggungjawab terhadap Allah (Asming Yalawae, 1998).

Isteri yang engkar atau nusyuz boleh dihukum, namun suami perlu mengikut panduan yang diajar Islam³³. Ini kerana tidak semua wanita menerima nasihat dan arahan suaminya serta menunaikan hak-hak suami yang Allah SWT perintahkan kepadanya.

e. Adil

Adil dalam pembahagian di kalangan isteri-isteri bagi suami yang berpoligami³⁴. Keadilan dalam poligami sangat dituntut kerana kuatnya perasaan sensitif di kalangan madu serta kesan-kesannya yang buruk dalam keluarga dan masyarakat apabila diabaikan. Justeru itu, Allah SWT menjadikan keadilan sebagai syarat untuk suami yang berpoligami. Suami wajib bersikap adil di kalangan isteri-isteri (berpoligami) (Mat Saad Abdul Rahman, 1993).

³² “Wahai orang-orang yang beriman!Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan” (al-Quran, al-Tahrim 28: 6)

³³ al-Quran, al-Baqarah 5: 34-35 “...dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”

“dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu) seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya”

³⁴ al-Quran, al-Nisa’ 4: 3 “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”

Isteri mempunyai hak mendapatkan bahagian yang adil daripada suaminya jika suaminya mempunyai isteri lain. (Juzairi, 1989; Asming Yalawae, 1998)) Sebagai contoh, Juzairi (t.t) menjelaskan bahawa suami berada di sisi isterinya pada hari pernikahan dengannya selama seminggu jika isterinya gadis dan tiga hari jika ia janda. Ini berdasarkan dalil “*gadis mempunyai hak tujuh hari dan janda mempunyai hak tiga hari, kemudian ia) suami yang mempunyai isteri lebih daripada satu) kembali menemui isterinya* (Riwayat Muslim)

f. Pergaulan dan penjaga yang baik

Bergaul dengan isteri secara baik adalah kewajiban ke atas suami (Wahbah Zuhaili, 1997). Menjaga perasaannya seperti menjaga lidah daripada menuduhnya dengan keaiban-keaiban yang dibencinya. Selain itu, suami tidak boleh menyebut kebaikan atau kecantikan wanita lain di hadapannya bagi maksud memarahinya. Suami juga hendaklah memelihara rahsia isteri khususnya berkaitan seksual, bertingkah laku baik dan memanggil isteri dengan penuh penghormatan seperti panggilan nama atau gelaran yang baik. Amalan memberi salam apabila masuk rumah bertujuan untuk menenangkannya. Para suami juga dilarang menyakiti dengan memukul isteri³⁵.

Suami diwajibkan bergaul secara baik dengan isterinya. (Mat Saad Abdul Rahman, 1993; Asming Yalawae, 1998). Antara bentuk –bentuk pergaulan yang baik ialah suami tidak meninggalkan tempat tidur isteri kecuali uzur, memelihara rahsia rumah tangga dan lain-lain (Asming Yalawae, 1998).

g. Menceraikan secara baik

Menceraikan isteri dengan cara yang baik adalah tanggungjawab suami³⁶. Ia termasuk keikhlasan suami terhadap isteri walau apa pun sebab yang menyebabkan perceraian. Ia adalah perbuatan yang mulia dan penghargaan terhadap orang yang pernah menemani atau berkongsi hidup bersama dan saling menanggung kebaikan dan keburukan. Perceraian secara ihsan adalah termasuk keikhlasan ketika menceraikan isteri jika ia dilakukan dalam suasana kemanusiaan yang beradab (A'tiyah Saqar, 2005).

Antara cara bercerai dengan cara baik ialah dengan mengikut hukum syarak iaitu bercerai mengikut tertib. Ini kerana terdapat pasangan yang bercerai terus dengan talak tiga meskipun ia sah daripada segi syarak. Selain itu, suami memberi hak-hak isteri selepas perceraian seperti nafkah idah, mutaah, nafkah anak, hadhanah dan sebagainya. Ini kerana meskipun telah bercerai, hubungan suami dengan bekas isteri masih ada kerana bekas isteri adalah ibu kepada anak-anak suami. Walaupun hubungan perkahwinan telah tiada, isteri masih lagi melaksanakan tanggungjawab kepada bekas suami dengan menjaga dan memelihara anak-anak bekas suami sebagaimana dalam perkahwinan.

³⁵ “Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian daripada apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebab tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)” (al-Quran, al-Baqarah 4: 19)

³⁶ “Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik...” (al-Quran, al-Baqarah 2: 229)

“Kemudian apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik...” (al-Quran, al-Talak 28: 2)

Sebagai kesimpulan, hak-hak isteri boleh dibahagikan kepada hak berbentuk harta dan hak bukan berbentuk harta. Hak harta adalah seperti nafkah dan mahar manakala hak bukan harta adalah seperti menjaga perasaan, menceraikan secara baik, memberi didikan, bergaul secara baik dan adil. Ia merupakan tanggungjawab kepada suami kerana ia datang daripada hukum syarak meskipun hak-hak tersebut sebahagiannya tidak dijadikan undang-undang.

HAK-HAK BERSAMA (*HUQUQ AL-ISYTIRAK*)

Hak bersama ialah hak yang terhimpun bagi keduanya dan ia sama bagi kedua-dua suami isteri dan menjadi kewajipan bagi kedua-duanya atas pihak yang satu lagi (Muhammad Kamaluddin Imam, 1998). Manakala menurut Wahbah Zuhaili (1997) lelaki dan perempuan pada asalnya adalah sama daripada pada segi hukum syarak sebagaimana ditaklifkan daripada sudut hukum syarak iaitu akil baligh³⁷.

Antara hak bersama (*musytarikat*) antara suami isteri ialah:

1. Hak *istimta'*

Suami isteri berhak untuk mendapat layanan batin kerana hikmah pernikahan ialah untuk menghalalkan hubungan jenis suami isteri. Hak *istimta'* adalah hak bersama bagi suami isteri³⁸ (Muhammad Ma'juz, 1986). Menurut Wahbah Zuhaili (1997) pasangan suami isteri mempunyai hak untuk bersetubuh antara satu sama lain kerana ia adalah hajat dan naluri semula jadi manusia. Muhammad Kamaluddin Imam (1998) menyatakan bahawa *hak i'faf* atau hak berhubungan jenis adalah suami isteri bagi memenuhi fitrah dan naluri semulajadi manusia. Maka tiada larangan untuknya selagi tiada larangan dan tegahan seperti haid, nifas, sakit dan seumpamanya. Mohammad Aqilah (2003) hak bersama suami isteri ialah hak berseronok dan bersenang (setubuh) secara baik.

2. Mensabitkan nasab anak

Anak-anak yang terhasil daripada hubungan yang sah perlu dinasabkan kepada suami (Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Ismail (2006). Anak yang dilahirkan oleh isteri secara automatik ternasab pada ibunya. Manakala daripada hukum syarak anak tersebut wajib dinasabkan kepada bapanya melalui perkahwinan yang sah dengan ibunya. Ia merupakan hak bersama suami isteri (Muhammad Kamaluddin Imam, 1998; Muhammad Ma'juz, 1986; Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Selain daripada hak bersama suami isteri, nasab juga merupakan hak anak-anak (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Melalui nasab, ia akan mengikat ibu bapa kepada anak-anak seperti nafkah, hadhanah, pusaka, perwalian dan sebagainya.

3. Mewarisi

Suami isteri berhak untuk mewarisi harta peninggalan masing-masing sekiranya berlaku kematian antara kedua-duanya (Wahbah al Zuhaili, 1997; Azhar Muhammad, Kamarul Azmi

³⁷ “Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar) dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk” (al-Quran, al-Baqarah 2: 238)

³⁸ “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka...” (al-Quran, al-Baqarah 2:223 dan al-Baqarah 2: 187)

Ismail, 2006). Menurut Muhammad Kamaluddin Imam (1998) antara hak bersama suami isteri ialah mewarisi harta pusaka. Apabila mati salah seorang daripada suami isteri maka pihsak satu lagi akan mewarisi harta selagi tidak terdapat tegahan atau halangan daripada mewarisi harta seperti khilaf agama (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Oleh itu, suami akan mewarisi harta isteri dan begitulah sebaliknya sekiranya tiada halangan agama dan masih suami isteri ketika kematian pasangannya.

4. Hadhanah

Hak hadhanah adalah hak bersama suami isteri. Anak-anak adalah amanah Allah SWT kepada ibu bapa. Ibu bapa wajib mendidik anak-anak menurut tatasusila Islam (Mat Saad Abd Rahman 1993). Selain menjaga dan memberikan makanan, memberikan imah dan ilmu kepada anak jugapenting sebagai makan rohani kepada anak anak. Agama anak adalah mengikut agama bapa (Muhammad Ma'juz, 1986).

5. Bergaul secara baik

Islam menyeru kepada umatnya (suami) agar hidup dengan cara baik dengan isteri³⁹. Ia merupakan antara hikmah pensyariatan perkahwinan. Suami isteri hendaklah berkomunikasi dan beramal dengan cara yang baik, serta memanggil dengan nama yang baik (Muhammad mahmud Syafie, 1998, Muhammad Ma'juz, 1986). Antara cara pergaulan yang baik antara suami isteri ialah saling cinta- menyintai dan kasih-mengasihi, saling nasihat-menasihati, tidak membuka aib pasangan, menyembunyikan rahsia istimta' dan lain-lain (Asming Yalawae, 1998).

6. Menjaga kehormatan

Muhammad Kamaluddin Imam (1998) menjelaskan antara hak bersama ialah menjaga kehormatan. Ia juga telah dibincangkan oleh fuqaha di mana suami dan isteri bertanggungjawab menjaga kehormatan pasangan. Menurut Mat Saad Abd Rahman (1993), ia termasuk mengawal keselamatan keluarga seperti suami isteri dan anak-anak.

Hak bersama suami isteri adalah menjadi tanggungjawab bersama antara suami isteri. Terdapat hak-hak bersama lain yang dinyatakan secara ringkas sahaja seperti amanah, cinta kasih, saling percaya, berlemah lembut dalam pergaulan, wajah berseri-seri, ucapan yang baik, penghargaan dan penghormatan. Menurut Mohammad Aqilah (2003), hak bersama suami isteri yang lain ialah tolong-menolong pada mentaati Allah dan tanggungjawab bersama terhadap rumahtangga.

KESIMPULAN

Hak dan tanggungjawab yang lahir daripada akad perkahwinan mempunyai matlamat melahirkan kebahagiaan dan kerukunan dalam sesebuah keluarga yang terbina. Syariat Islamiah dan undang-undang Islam yang berkuatkuasa telah menetapkan supaya semua pihak perlu menghormati dan menyempurnakan hak kepada pasangan mereka serta melaksanakan tanggung jawab masing-masing demi tercapainya kebahagiaan untuk seluruh ahli keluarga. Mengabaikan hak dan mencuaikan tanggungjawab merupakan

³⁹ “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir” (al-Quran, al-Rum 21:21)

pelanggaran terhadap perintah syarak dan ketetapan undang-undang yang boleh mengakibatkan timbul ketidaktenteraman dalam kehidupan berkeluarga dan mengundang perpisahan yang dibenci oleh Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang.

RUJUKAN

- A'tiyah Saqar (2003) *Huquq al- Zawjiyyah: Mawsu 'ah al- Usrah Tahta Ri'ayah al Islam*. Damsyik: Maktabah Wahbah.
- Abdul Rahman al- Juzairi (1989) *Kitab Fiqh A'la al- Mazahib Arba'ah: Juz ar Ba'ah Qismul al- Ahwal Shahsiyyah*. Beirut: Darul Fikr.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi (2000) *Ensiklopedia Muslim*. Beirut: Darul Fikr.
- Abul A'la Mawdudi (1980) *Human rights in Islam*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Ahmad Ibrahim (1965) *The Status of Muslim Women in Family Law in Malaysia*, Singapore and Brunei. Singapore: MLJ Ltd.
- Ahmad Mahmud al- Syafie (t.t) *al- Zawaj Fi Syariah al- Islami*. (t.t): Maktabah Insaniah.
- Ali Jarishah (1990) *Kehormatan Hak-hak Manusia Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dwan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa (1999) *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asming Yalawae (1995) *Penghayatan Hak dan Tanggungjawab Suami Isteri dalam Sistem Kekeluargaan Islam: Satu Kajian Khusus di Narathiwat Selatan Thailand*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Disertasi Ijazah Sarjana.
- A' tiyah Saqar (2005) *Hak-hak suami isteri*. (Terj) Arifin Ladaripada. Kuala Lumpur : Jasmeen Enterprise.
- Faizah Hj Ismail (1995) *Asas-Asas Muamalat dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harian Metro, 27 Mac 2007, *Mengurus giliran berhari raya*.
- Ibn Manzur al Afriqiyy (tt) *Lisan al Arab*. Beirut: Maktabah al Fasaliyah, Dar Sobir.
- Ibn Rusyd (1990) *Bidayatul Muftahid*. Jil 2 (Terj) M.A. Abdurrahman dan A. Haris Abdullah. Semarang: Asy Syifa.
- J.S. Verma (2008) *Human rights and the judiciary*. In Malaysia Journal on Human Rights. April 2008 Vol. 2- No. 1. Pg 19-39. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- Jami' al- Tirmizi, Dalam Solahuddin Abdul Aziz Bin Muhammad Bin Ibrahim (2000). *Mawsu'aah al- Hadis al- Syarif Kitab Sittah*. Arab Saudi: Darul Salam.
- Kamarul Azmi Azhar Muhammad (2006) Pengabaian tanggungjawab suami terhadap hak isteri di kalangan orang Melayu. Dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan (ed) *Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kamus Dewan (1990) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1994) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saad Abdul Rahman (1993) *Undang-undang keluarga Islam: Aturan perkahwinan suatu pendekatan berdasarkan amalan semasa*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohammad Tahir Haji Mohammad (2003) *Rights and Duties in Shariah and Common Law*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.
- Muhammad Aqilah (t.t) *Nizam al- Usrah Fi Islam*. Juz kedua, Amman Jordan: Maktabah Risalah Hadithah.
- Muhammad Kamaluddin Imam (1998) *al- Zawaj fi Fiqh Islami Dirasah Syari'yyah*. Iskandaripadaah: Darul Jamiah Jadidah Lil Nasyar.
- Muhammad Maajuz (1986) *Ahkam al Usrah Fi al Shariah Islamiyyah*. Casablanca: *Matba'ah al Najah al Jadidah*.
- Muhammad Mahmud Shafie (1998) *al Tanbih Fii Fiqhi Asy Syaafii* (Ter) Hafid Abdullah. M.A Semarang: CV. Asy Syifa.

- Mustofa al Khin, Mustofa al Bugha & Ali Asy Syarbaji (t.t) *al- Fiqh Manhaji* (Terj) Aziz Ismail, Mohd Asri Hashim. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Sabitha Marican (2005) *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Sabitha Marican (2006) *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sahih Bukhari*, Dalam Solahuddin Abdul Aziz Bin Muhammad Bin Ibrahim (2000). *Mawsu'aah al- Hadis al- Syarif Kitab Sittah*. Arab Saudi: Darul Salam.
- Sahih Muslim*, Dalam Solahuddin Abdul Aziz Bin Muhammad Bin Ibrahim (2000). *Mawsu'aah al- Hadis al- Syarif Kitab Sittah*. Arab Saudi: Darul Salam.
- Sahil Hussain al- Fatalawiy (t.t) *Huquq al- Insan Fi Islam*. Beirut: Darul Fikr al- Arabi.
- Shaukat Hussain (1990) *Human rights in Islam*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1995) *Tafsir Pimpinan Ar- Rahman 30 Juz*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Sunan Ibnu Majah*, Dalam Solahuddin Abdul Aziz Bin Muhammad Bin Ibrahim (2000). *Mawsu'aah al- Hadis al- Syarif Kitab Sittah*. Arab Saudi: Darul Salam.
- Taha Abdullah al- Afify (1995) *Hak suami dan isteri dalam Islam*. (Terj) Amir Taat Nasution. Johor Bharu: Jahabersa.
- Utusan Malaysia, (2006) *Tiada sebab keliru, 18 Januari*.
- Wahbah al- Zuhaili (1997) *al- Fiqh Islam wa Adillatuh. Juz al- Raabi'. Al-Nazariyyat al- Fiqhiyyah wa al- Uqud*. Damsyik: Darul Fikr.
- Wahbah al- Zuhaili (1997) *al- Fiqh Islam wa Adillatuh. Juz al- Saabi'. Al-Ahwal al- Syakhsiyyah*. Damsyik: Darul Fikr.
- Wahbah al- Zuhaili (2000) *al- Usrah Muslimah Fi A'lam Ma'asir*. Damsyik: Darul Fikr.
- www.islam.gov.my/informasi/statistikperceraianseluruhmalaysia.html. Tarikh layari 27 Mac 2007.